KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## KHAMIS, 17 OGOS 2023

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



17/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **IBU BAPA WAJAR DIBERIKAN AKSES CCTV PUSAT ASUHAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/274074/berita/nasional/ibu-bapa-wajar-diberikan-akses-cctv-pusat-asuhan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinardaily.my/article/205103/malaysia/national/parents-should-be-given-access-to-childcare-centres-cctv | SINARDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **TANGANI KAHWIN BAWAH UMUR** | |
| | https://www.hmetro.com.my/WM/2023/08/999894/tangani-kahwin-bawah-umur | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **CADANGAN BAYARAN KEPADA SURI RUMAH DISOKONG** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/16/cadangan-bayaran-kepada-suri-rumah-disokong | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://www.theborneopost.com/2023/08/16/fatimah-proposed-housewives-payment-system-good-idea-but-relevant-engagements-needed-first/ | THEBORNEOPOST.COM |
| | https://www.theborneopost.com/2023/08/16/swak-social-activist-backs-idea-to-set-up-payment-system-for-housewives/#:~:text=KUCHING%20(Aug%2016)%3A%20The,social%20activist%20Voon%20Shiak%20Ni. | THEBORNEOPOST.COM |
| | https://www.theborneopost.com/2023/08/16/revise-requirements-for-housewives-to-open-operate-accounts-pkr-kuching-women-urges-banks/ | THEBORNEOPOST.COM |

17/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **HARAP HAK PENJAGAAN SELESAI SEGERA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1000085/harap-hak-penjagaan-selesai-segera | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/16/waris-kanak-kanak-mangsa-dera-harap-dapat-kembali-hak-penjagaan/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **KENAKAN HUKUMAN MAKSIMUM UNTUK PENDERA BAYI, KANAK-KANAK** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1141159/kenakan-hukuman-maksimum-untuk-pendera-bayi-kanak-kanak | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **4,000 REMAJA BAWAH 18 TAHUN HAMIL SETIAP TAHUN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/999995/4000-remaja-bawah-18-tahun-hamil-setiap-tahun | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1141058/seks-bebas-antara-punca-4000-remaja-hamil-setiap-tahun | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.theborneopost.com/2023/08/16/fatimah-number-of-newborns-in-swak-halved-in-2021-2022-compared-to-40000-before-pandemic/ | THEBORNEOPOST.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **SEKS BEBAS UNDANG KES BUANG BAYI, PENYAKIT BERJANGKIT** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/16/seks-bebas-undang-kes-buang-bayi-penyakit-berjangkit/ | KOSMO.COM.MY |

17/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **APABILA JERITAN & TITISAN AIR MATA TAK SIAPA ENDAH...** | |
| | https://www.hmetro.com.my/rencana/2023/08/999924/apabila-jeritan-titisan-air-mata-tak-siapa-endah | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **IN JOHOR, SINGLE MUM, FRIEND PLEAD NOT GUILTY TO ABUSING SEVEN-YEAR-OLD SON** | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/08/16/in-johor-single-mum-friend-plead-not-guilty-to-abusing-seven-year-old-son/85563 | MALAYMAIL.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1141197/dia-ingatkan-kena-denda-bapa-saudara-budak-didera-ibu-kandung-teman | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/08/ibu-rakan-tomboy-mengaku-tak-bersalah-aniaya-abai-anak/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/274064/berita/semasa/ibu-rakan-tomboy-tak-mengaku-salah-dera-budak-7-tahun | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1000009/ibu-rakan-serumah-didakwa-aniaya-dan-abai-anak | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=WwJJOKF0euY | YOUTUBE |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/16/ibu-kandung-tomboi-mengaku-tak-bersalah-aniaya-abai-kanak-kanak-7-tahun/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/457441 | THEMALAYSIANINSIGHT.COM |
| | https://www.thesundaily.my/local/single-mother-friend-charged-with-abusing-seven-year-old-son-GE11371698 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/274064/berita/semasa/video-ibu-rakan-tomboi-tak-mengaku-salah-dera-budak-7-tahun | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=DlPzM1ahzbo | YOUTUBE |
| | https://malaysiagazette.com/2023/08/16/ibu-kandung-kenalan-wanita-tomboy-didakwa-dera-kanak-kanak/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/ibu-kandung-rakan-serumah-didakwa-dera-kanakkanak-x8n8fdu | ASTROAWANI.COM |

17/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **'KALAU TAK MAHU BELA BAGILAH ORANG LAIN' - ZIANA ZAIN TERKESAN BERITA PENDERAAN KANAK-KANAK** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-hiburan/kalau-tak-mahu-bela-bagilah-orang-lain-ziana-zain-terkesan-berita-penderaan-kanakkanak-433147 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **NEGERI TUA MENJELANG 2028: SARAWAK PERLU FAHAMI KEPERLUAN WARGA EMAS - MENTERI** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/675938 | MALAYSIAKINI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **ENAM RUMAH KEBAJIKAN SERTAI SUKAN ANAK YATIM TERIMA JERSI TAJAAN YIDE** | |
| | https://selangorkini.my/2023/08/enam-rumah-kebajikan-sertai-sukan-anak-yatim-terima-jersi-tajaan-yide/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://selangorkini.my/2023/08/zakat-selangor-sumbang-rm850000-bantu-25-rumah-anak-yatim-kendalian-yide/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **DUA LELAKI DITAHAN CULIK WANITA WARGA ASING** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-lelaki-ditahan-culik-wanita-warga-asing-433042 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/dua-wanita-warga-asing-diculik-selepas-keluar-berhibur/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.malaysiakini.com/news/675839 | MALAYSIAKINI.COM |

17/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **PEMANDU VAN SEKOLAH DIDAKWA CABUL KANAK-KANAK TADIKA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1000017/pemandu-van-sekolah-didakwa-cabul-kanak-kanak-tadika | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/08/1141076/pemandu-van-sekolah-didakwa-cabul-kanak-kanak-tadika | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **SELAMATKAN KANAK-KANAK MANGSA DERA SEBELUM TERLAMBAT** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/16/selamatkan-kanak-kanak-mangsa-dera-sebelum-terlambat/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **FREE BUS RIDES IN THREE STATES** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/08/16/free-bus-rides-in-three-states | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **KEWANGAN JADI CABARAN TERBESAR WARGA EMAS** | |
| | https://suarasarawak.my/kewangan-jadi-cabaran-terbesar-warga-emas/ | SUARASARAWAK.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/16/capai-sekuriti-kewangan-cabaran-warga-emas-malaysia | UTUSANBORNEO.COM.MY |

17/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **NEGERI TUA MENJELANG 2028: SARAWAK PERLU FAHAMI KEPERLUAN WARGA EMAS - MENTERI** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/675938 | MALAYSIAKINI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **JAGA ANAK BONGSU HIDAP KANSER, WANITA ABAI KESIHATAN SENDIRI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/08/16/jaga-anak-bongsu-hidap-kanser-wanita-abai-kesihatan-sendiri/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **WANITA 60 TAHUN USAHAKAN BENDANG GUNA APLIKASI MUDAH ALIH - MAT SABU** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1141298/wanita-60-tahun-usahakan-bendang-guna-aplikasi-mudah-alih-mat-sabu | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **WANITA DITAHAN, DISYAKI GUNA JAWATAN UNTUK DAPAT TUNTUTAN LEBIH RM200,000** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/08/wanita-ditahan-disyaki-guna-jawatan-untuk-dapat-tuntutan-lebih-rm200000/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **LELAKI TIKAM TEMAN WANITA DIBERKAS SELEPAS LARIKAN DIRI** | |
| | https://www.utusan.com.my/terkini/2023/08/lelaki-tikam-teman-wanita-diberkas-selepas-larikan-diri/ | UTUSAN.COM.MY |

17/8/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **ELAK KANAK-KANAK GUNA GAJET SEBELUM USIA DUA TAHUN - PAKAR** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/274160/berita/nasional/elak-kanak-kanak-guna-gajet-sebelum-usia-dua-tahun---pakar | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | **BAYI KEMBAR DERITA PARU-PARU KRONIK PERLU DANA TAMBAHAN** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/274090/edisi/kelantan/bayi-kembar-derita-paru-paru-kronik-perlu-dana-tambahan | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | **UKM, YOBM JALIN KERJASAMA BAKAL PERKENAL KAMUS BRAILLE** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/1000163/ukm-yobm-jalin-kerjasama-bakal-perkenal-kamus-braille | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | **WARGA EMAS CEDERA TERJATUH DI JALAN** | |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/08/16/warga-emas-cedera-terjatuh-di-jalan | UTUSANBORNEO.COM.MY |

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IBU BAPA PERLU SENTIASA BELAJAR BERDEPAM KERENAH ANAK AUTISME | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | POSIITF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Ibu bapa perlu sentiasa belajar berdepan kerenah anak autisme

## Iman Wan dedah cabaran tangani perubahan tingkah laku insan istimewa

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tiada ilmu yang mencukupi menyebabkan seorang bapa mengaku pernah marah serta meninggikan suara kepada anaknya yang menghidap Autism Spectrum Disorder (ASD) dan gangguan kurang daya tumpuan dan hiperaktif (Attention Deficit Hyperactivity Disorder).

Bagaimanapun, Iman Wan Tuck Meng, yang juga seorang komposer berkata, ia berlaku ketika anak keduanya, Adam Wan Mun Yu, 21, tiba-tiba berubah daripada seorang yang pendiam kepada seorang yang tiba-tiba suka membuat perangai.

Katanya, beliau menyedari anaknya yang disahkan menghidap autisme ketika berusia dua tahun enam bulan mula berubah sikap ketika berusia 10 tahun.

"Ini kesilapan saya sendiri kerana masa dia masih kecil, mungkin ada cara yang sepatutnya saya lakukan tetapi saya tidak buat.

"Bila anak sudah semakin berubah, saya tidak sedar saya tidak cukup ilmu. Saya faham saya tidak tahu anak autisme ini pun sama dengan anak yang lain akan berubah apabila besar.

"Adam masa kecil baik sangat sebab senang jaga jadi saya ambil mudah rasa tiada masalah tidak perlu buat itu atau buat ini.

"Tetapi kita tidak tahu sebenarnya dia sedang buat perangai, sikap dalam diam yang saya tidak tahu apa sedang berlaku dalam kepala otak dia sebab dia diam sahaja," katanya dalam hantaran di akaun sosial media TikTok miliknya, baru-baru ini.

### Kongsi kisah anak istimewa

Iman yang turut dikenali sebagai Keluarga Adam kerana sering berkongsi mengenai keadaan anak istimewanya di media sosial, berkata sebagai ibu bapa beliau juga mengakui ketika itu tidak menjangka anaknya akan bersikap sedemikian.

Katanya, ini kerana anaknya berubah daripada seorang yang baik sebelum ini kepada sekarang menjadi sangat mencabar apabila selalu mengamuk, menyebabkan beliau marah tambahan pula dirinya seorang yang panas baran ketika itu.

"Dalam keadaan panas baran, apabila anak tidak dengar cakap, kita tidak boleh terima dan mestilah naik suara serta marah, malah apabila Adam masih tidak reti bahasa, tidak dengar kata, kita akan naik tangan.

"Saya pukul Adam dulu masa dia mula-mula buat hal kerana saya tidak faham (mengapa dia bersikap sedemikian).



*Iman Wan bersama keluarga berkongsi kisah Adam di media sosial.* (Foto FB Adam's Autism Family)

"Saya ingat anak saya sengaja hendak jadi nakal, sengaja tidak mahu dengar cakap sebab dia tidak pernah macam itu kerana masa kecil dia baik dan perkara ini buatkan saya jadi lagi keliru," katanya.

Akuinya, beliau terpaksa berhadapan dengan situasi sedemikian selama bertahun-tahun dan terdetik perkara itu tidak boleh berterusan.

Katanya, beliau sedar jika terus dalam keadaan tertekan dan tidak dapat mengawal diri bimbang akan terpukul Adam dengan lebih kuat dan akan menyesal kemudian hari.

"Ketika itu, saya sudah mula risau dan sudah mula tahu bahayanya jika saya tidak faham situasi anak dalam keadaan sedemikian.

"Sebagai ibu bapa, kita sepatutnya perlu fahami kerumitannya seorang anak autisme dan jangan ingat kita tahu segalanya mengenai anak.

"Kita perlu sentiasa pantau dan kena sedar yang mereka sedang membesar dan berubah sama seperti anak normal yang lain," katanya.

Beliau berkata, apa yang ibu bapa perlu tahu adalah autisme adalah penyakit seumur hidup dan tiada penawar, manakala ubat yang diambil mereka hanya bertujuan untuk mengawal keadaan bukan merawat.

"Apa yang penting untuk ibu bapa yang mempunyai anak autisme adalah mempunyai ilmu yang betul kerana jika ada ilmu yang cukup dan sentiasa mahu belajar, pasti boleh terima keadaan anak," katanya.

TAJUK : IBU TUNGGAL, RAKAN SERUMAH DITUDUH ANIAYA DAN ABAI ANAK

HARI : KHAMIS | AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 17 OGOS 2023 | M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF | SEKTOR : KPWKM

# Ibu tunggal, rakan serumah dituduh aniaya dan abai anak

**Johor Bahru:** Seorang ibu tunggal bersama rakan serumahnya yang juga wanita berperwatakan lelaki, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas dua pertuduhan menganiaya dan mengabaikan anak kandungnya, sejak bulan lalu.

Tertuduh, Nurul Asyiqin Mohamad Zahir, 27, dan rakannya, Awiin Chua, 30, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kedua-dua pertuduhan itu dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Mereka yang tiba di pekarangan mahkamah kira-kira jam 8.40 pagi, diiringi anggota polis, dilihat sentiasa mengalirkan air mata sehingga prosiding selesai.

Turut hadir ke mahkamah dan berada di galeri awam adalah abang kepada Nurul Asyiqin dan abang kepada Awiin yang datang dari Singapura.

Bagi pertuduhan pertama, kedua-dua tertuduh didakwa mencapai niat bersama menganiaya seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang di bawah pemeliharaan mereka sehingga mangsa menghadapi kecederaan fizikal.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa mencapai niat bersama mengabaikan kanak-kanak yang juga anak kandung Nurul Asyiqin ketika mangsa di bawah pemeliharaan mereka.

Dua perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah dekat Jalan Wau Kikik 7, Bandar Layangkasa, Pasir Gudang di sini, antara 1 Julai hingga 9 Ogos lalu.

Pendakwaan kedua-dua pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nur Diyana Zubir menawarkan jaminan tinggi sebanyak RM30,000 terhadap setiap tertuduh dengan beberapa syarat tambahan termasuk dilarang menghampiri atau berhubung dengan mangsa.

"Tertuduh pertama (Nurul Asyiqin) adalah ibu kandung kepada mangsa yang mana dia telah mengambil kanak-kanak itu daripada jagaan datuk dan neneknya di Pokok Sena, Kedah sebelum dibawa lari ke negeri ini, tetapi dalam penjagaannya dia gagal menjaga anaknya sehingga terdapat kecederaan fizikal serta diabaikan.

"Tertuduh kedua (Awiin) pula yang juga seorang warga Singapura tinggal serumah dengan tertuduh pertama walaupun tiada talian darah, tertuduh turut diberi tanggungjawab menjaga mangsa ketika di rumah," katanya.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 27 September depan sementara menunggu laporan perubatan mangsa dari Hospital Sultan Ismail (HSI).

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI TIKAM KEKASIH DICEKUP | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Lelaki tikam kekasih dicekup

**Ampang:** Lelaki yang menikam perut dan tangan bekas teman wanitanya sebelum melarikan diri dalam kejadian di sebuah kondominium dekat Bukit Antarabangsa di sini, pada 8 Ogos lalu ditahan polis kelmarin.

Suspek berusia 41 tahun itu ditahan di pekarangan sebuah masjid di Bandar Dato Onn, Johor Bahru, Johor pada kira-kira jam 5 petang.

Lelaki itu kemudian dibawa ke Mahkamah Majistret Ampang pagi semalam dan mendapat perintah reman empat hari sehingga Sabtu ini.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail, berkata tangkapan terhadap suspek dibuat sepasukan polis Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEKOLAH KHAS PELAJAR MISKIN BERI KEADILAN PENDIDIKAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Sekolah khas pelajar miskin beri keadilan pendidikan

**Kuala Lumpur:** Projek rintis pembinaan sekolah khas bagi pelajar keluarga miskin di negara ini pada tahun hadapan, dapat memberi keadilan pendidikan kepada semula pelajar.

Bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Alimuddin Mat Dom, berkata, ketika ini masih terdapat ramai pelajar, terutama di luar bandar dan pedalaman tidak mendapat kemudahan pendidikan yang sewajarnya seperti di bandar besar.

Katanya, ia termasuk kekurangan dari segi bekalan elektrik, air, kemudahan untuk ke sekolah dan peralatan untuk pembelajaran yang terhad.

"Jadi, saya menyokong penuh cadangan dikemukakan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek kerana usaha ini akan memberi keadilan dalam bidang pendidikan.

"Dengan kemudahan yang terhad, jadi sudah semestinya pelajar ini perlu diberi peluang pendidikan yang sama kerana saya yakin mereka juga boleh cemerlang dalam pelajaran," katanya kepada *BH*, semalam.

Media sebelum ini melaporkan Kementerian Pendidikan (KPM) sedang memperhalusi mekanisme terbaik dalam usaha merealisasikan projek rintis sekolah khas bagi pelajar keluarga paling miskin di negara ini, yang dijangka dibina awal tahun hadapan.

Fadhlina dilaporkan berkata, mekanisme itu seterusnya mungkin dijadikan model khas dalam pembinaan sekolah untuk golongan pelajar miskin, sekali gus dapat mengatasi isu keciciran.

Beliau berkata, pihaknya memberi tumpuan terhadap kriteria yang berkait rapat dengan isu kemiskinan, bantuan dan keadaan yang akan memberikan sokongan kepada ekosistem keseluruhan sekolah itu nanti.

## Tak wujud kasta pendidikan

Mengulas lanjut, Alimuddin berharap, sekolah itu nanti akan memberikan kemudahan yang sewajarnya kepada pelajar, seperti kemudahan asrama yang lengkap, makanan berzat, bilik darjah, makmal komuter, guru terlatih dan padang permainan.

"Bagi saya, dengan adanya sekolah itu nanti, pelajar bukan sahaja boleh berjaya sama seperti rakan di bandar, tetapi turut dapat mengubah nasib diri dan keluarga pada masa akan datang," katanya.

Ditanya sama ada sekolah berkenaan akan mewujudkan kasta pendidikan, beliau yakin ia sama sekali tidak akan berlaku.

Katanya, sekolah berkenaan memang sudah dikhaskan kepada mereka yang layak sahaja, iaitu miskin dan kurang berkemampuan.

"Golongan elit sudah ada sekolah dengan kemudahan lengkap dan kewangan yang baik, tetapi anak kurang berkemampuan ini akan terabai jika tidak diberikan kemudahan kepada mereka," katanya.

Alimuddin juga yakin, dengan kerjasama pelbagai pihak seperti guru besar, ketua kampung dan pegawai daerah, pelajar miskin yang minat dalam pelajaran pasti akan dapat dikesan dan seterusnya diberi peluang kepada mereka.

Katanya, ia selaras dengan hasrat menteri yang mahu memberikan peluang pendidikan kepada mereka yang layak.

"Oleh itu, pada pandangan saya sudah sampai masanya kita melihat pelajar di kawasan luar bandar dan pedalaman yang tidak mendapat kemudahan pendidikan, diberi peluang selayaknya," katanya.

Sementara itu, bekas Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik ketika dihubungi enggan mengulas lanjut mengenai pembinaan sekolah khas berkenaan.

Sebaliknya, beliau menjelaskan tidak adil baginya membuat sebarang komen tanpa melihat data terkini, model dan juga perancangan KPM.

"Saya yakin pihak kerajaan mempunyai sebab yang rasional berdasarkan fakta dalam membuat keputusan," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA JANA REZEKI BANTU TINGKAT DAYA SAING USAHAWAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | POSIITF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita Jana Rezeki bantu tingkat daya saing usahawan

**Kuala Lumpur:** Program Wanita Jana Rezeki menjadi platform kepada usahawan wanita termasuk golongan B40, khususnya di Pulau Pinang untuk meningkatkan dan memperkasakan kemahiran mereka dalam bidang keusahawanan.

Program akan diadakan bulan depan sehingga November ini anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) untuk meningkatkan kemahiran dan membantu mereka menghasilkan produk untuk memenuhi permintaan pasaran, selain melengkapkan pengetahuan dan kemahiran relevan supaya mampu berdaya saing dalam dunia perniagaan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ong Bee Leng, berkata program itu direka untuk menyokong wanita golongan berpendapatan rendah membina aliran pendapatan mereka sendiri.

Katanya, program tahun ini akan memberi tumpuan kepada kemahiran usahawan berkaitan dengan masakan, jahitan dan penjagaan lepas bersalin.

"Mereka akan diberi latihan intensif tiga bulan bagi membina keupayaan dalam bidang yang masing-masing minati," katanya.

Tahun ini, Madcash Sdn Bhd, pembangun platform fintech MADCash (Multiply Assist Donate Cash) bekerjasama dengan PWDC menyediakan pembiayaan mikro sebanyak RM1,500 kepada 60 usahawan wanita B40 yang akan mengambil bahagian dalam program itu.

Pembiayaan untuk membantu menampung kos menghadiri kursus masakan, jahitan atau penjagaan selepas bersalin.

> "Kami akan terus memantau kemajuan usahawan ini dan mereka akan mendapat sokongan dari segi peningkatan kemahiran kewangan dan perniagaan, rangkaian, bimbingan dan sokongan rakan peniaga"
>
> *Nuraizah Shamsul Baharin, Pengarah Urusan MADCash*



## Beri sokongan kewangan

Beng Leng berkata, kerjasama itu membolehkan pihaknya terus mendekati lebih ramai usahawan wanita yang memerlukan sokongan dalam membina atau mengembangkan perniagaan mereka.

"Kami percaya dengan keperluan kewangan masalah akan timbul dalam keluarga akibat kekangan kewangan. Ia membantu membina rumah tangga lebih harmoni," katanya.

Pengarah Urusan MADCash, Nuraizah Shamsul Baharin, berkata, pembiayaan ini akan membolehkan peserta memperoleh pendidikan dan kemahiran yang betul daripada jurulatih berkelayakan.

"Ini langkah penting bagi membantu mereka meningkatkan mata pencarian.

"Kami teruja dapat menyertai PWDC dalam program murni ini untuk menyokong komuniti B40 Pulau Pinang.

"Kami akan terus memantau kemajuan usahawan ini dan mereka akan mendapat sokongan dari segi peningkatan kemahiran kewangan dan perniagaan, rangkaian, bimbingan dan sokongan rakan peniaga," katanya.

Usahawan wanita yang berminat untuk mendapatkan pembiayaan mikro perlu memohon melalui platform dalam talian.

Pembiayaan ini bebas faedah dan penerima dikehendaki membayarnya dalam tempoh 10 bulan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 4,000 REMAJA HAMIL SETAHUN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# 4,000 remaja hamil setahun



***Aktiviti seks bebas, kurang pengetahuan pendidikan seksual dan merancang kehamilan menjadi faktor***

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

**Kota Bharu**

Statistik Kementerian Kesihatan (KKM) yang menganggarkan secara purata 4,000 remaja perempuan bawah 18 tahun hamil setiap tahun, disifatkan senario yang sangat membimbangkan.

Apatah lagi ia berlaku kebanyakannya disebabkan aktiviti seks bebas selain kurang pengetahuan mengenai pendidikan seksual dan merancang kehamilan.

Pensyarah Obstetrik dan Ginekologi, Jabatan Obstetrik dan Ginekologi (O&G) Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP), Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Engku Husna Engku Ismail berkata, kehamilan remaja berlaku disebabkan pelbagai faktor termasuk perkahwinan bawah umur, namun kebanyakannya disebabkan oleh aktiviti seksual bebas.

> *Aspek pencegahan sangat penting untuk mengelak kehamilan yang tidak dirancang"*
>
> **Dr Engku Husna**

Katanya, pengaruh rakan sebaya, media sosial yang bebas, pornografi dan pemakaian yang menjolok mata, kurang komunikasi dan sokongan keluarga terbuka termasuk pendidikan kesihatan seksual, penjagaan diri dan maruah juga antara penyebab berlakunya kehamilan dalam kalangan remaja.

"Faktor lain yang turut menyumbang ialah aspek sosioekonomi yang membabitkan kemiskinan, keluarga berpecah-belah, keganasan rumah tangga, penderaan mental, fizikal, seksual dari keluarga dan rakan.

"Kehamilan remaja berisiko mencetuskan komplikasi mengandung ialah kekurangan darah (anemia), perkembangan bayi terbantut semasa dalam kandungan, cacat, darah tinggi, kemurungan ibu, kelahiran pramatang, kelahiran yang sukar, bayi lemas, tumpah darah, jangkitan kuman dan kematian ibu.

"Bayi yang dilahirkan juga berpotensi mengalami kurang berat badan, lemas sewaktu kelahiran sehingga boleh mengakibatkan kematian serta tidak akan disayangi seperti kanak-kanak lain semasa proses tumbesaran di atas pelbagai faktor," katanya dalam kenyataan.

Mengulas lanjut, Dr Engku Husna berkata, berdasarkan kajian penduduk dan keluarga Malaysia yang dijalankan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada 2015, mendapati pengetahuan mengenai aspek seksualiti dan kesihatan reproduktif masih rendah dalam kalangan remaja di Malaysia.

"Justeru aspek pencegahan sangat penting untuk mengelak kehamilan yang tidak dirancang atau jauhi seks bebas sebelum alam perkahwinan dengan menjaga maruah diri seeloknya," katanya.

Beliau berkata, bagi mengurangkan masalah kesihatan remaja ketika hamil, mereka perlu membuat pemeriksaan awal kandungan, perawatan kesihatan serta mendapat sokongan moral yang cukup sepanjang dan selepas kehamilan.

"Komunikasi terbuka dalam keluarga, sokongan moral untuk penjagaan bayi selepas kelahiran secara terperinci adalah penting sebagai pendokong remaja berkenaan meneruskan kehidupan ke arah yang lebih baik.

"Ibu bapa juga dinasihatkan supaya mengawasi tingkah laku anak-anak dan peka dengan persekitaran serta pergaulan mereka terutama apabila terdapat perubahan tingkah laku kerana mencegah kehamilan adalah lebih baik daripada merawat kehamilan yang tidak dirancang," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DILEPAS TANPA BEBAS | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 22 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

PERTUDUHAN SEKSUAL BABIT SAFIEY

# Dilepas tanpa bebas

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

**Ampang**

Usahawan kosmetik, Safiey Ilias dilepas tanpa dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas empat pertuduhan seksual terhadap dua remaja lelaki, dua tahun lalu.



SAFIEY Ilias

Hakim Norhazani Hamzah memutuskan demikian selepas Timbalan Pendakwa Raya, Nurfadzlin Mahmad Zulhasnan memaklumkan pihaknya memohon Safiey, 29, atau nama sebenarnya Mohd Safiuddin Ilias dilepas tanpa dibebaskan daripada pertuduhan itu.

"Kes dibatalkan. Tertuduh dilepas tanpa dibebaskan daripada semua pertuduhan itu dan wang jaminan dikembalikan," katanya.

Terdahulu, Nurfadzlin berkata, permohonan dibuat atas alasan tertuduh akan didakwa semula di mahkamah Pahang dan Johor memandangkan mangsa yang juga saksi dalam kes masing-masing berada di dua negeri itu.

"Jika perbicaraan dijalankan di mahkamah ini, ia menyukarkan mangsa dalam kes itu untuk berulang-alik," katanya.

Peguam Harjeet Singh Sidhu yang mewakili Safiey bagaimanapun memohon usahawan itu dilepas dan dibebaskan daripada semua pertuduhan.

> *Saya hairan apabila pihak pendakwaan gagal mengemukakan apa yang sepatutnya menjadi hak pasukan peguam saya untuk meneliti video berkenaan"*
>
> **Safiey**

Harjeet berkata, kes terhadap anak guamnya sudah tergantung agak lama dan dipindahkan daripada Mahkamah Sesyen Putrajaya ke Ampang, tahun lalu.

"Hari ini (semalam) sepatutnya ditetapkan untuk sesi penghujahan kedua-dua pihak berkaitan bantahan awal pihak pembelaan terhadap dua daripada empat pertuduhan yang disifatkan cacat dan mengandungi butiran tidak lengkap," katanya.

Pada 24 Julai lalu, Harjeet mengemukakan bantahan awal secara lisan terhadap kedua-dua pertuduhan atas alasan pertuduhan itu cacat kerana tidak menyertakan butiran khusus yang menjadi asas pertuduhan dihadapi Safiey.

Peguam itu menyatakan, dua daripada empat pertuduhan itu cacat kerana tidak menjelaskan butir-butir komunikasi seksual yang didakwa berlaku antara tertuduh dengan kedua-dua remaja berkenaan.

Safiey didakwa atas dua pertuduhan berkomunikasi secara seksual melalui platform Instagram dengan dua remaja lelaki yang ketika itu berusia 14 tahun.

Usahawan kosmetik itu yang popular dengar lagu 'Syinta Gila' turut didakwa melakukan amang seksual bukan fizikal iaitu menggoyang-goyangkan payudara di hadapan dua remaja sama bagi maksud seksual.

Safiey didakwa melakukan semua perbuatan itu di sebuah rumah di Bandar Baru Bangi, jam 9 pagi pada 9 Jun 2021.

Sementara itu, Safiey ketika dihubungi, dia bersyukur selepas mahkamah membebaskannya daripada pertuduhan itu.

"Alhamdulillah, saya dilepaskan daripada empat pertuduhan berkenaan selepas hampir tiga tahun turun naik mahkamah.

"Saya hairan apabila pihak pendakwaan gagal mengemukakan apa yang sepatutnya menjadi hak pasukan peguam saya untuk meneliti video berkenaan," katanya.

Katanya, dia sudah bersedia sekiranya akan dituduh di Temerloh, Pahang dan Johor.

"Saya sudah bersedia dengan pelbagai kemungkinan dan tetap akan melawan kes ini," katanya.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | IBU, RAKAN 'TOMBOI' DIDAKWA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 01&06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



DIBENAR IKAT JAMIN TAPI TIDAK BOLEH JUMPA MANGSA

# IBU, RAKAN 'TOMBOI' DIDAKWA

Seorang ibu tunggal dan rakan serumahnya didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam atas dua pertuduhan menganiaya dan mengabaikan anak kandungnya sehingga cedera sejak sebulan lalu. Kedua-duanya mengaku tidak bersalah dan kelihatan mengalirkan air mata sejak dibawa ke mahkamah dan sepanjang prosiding. lapor Izz Laily Hussein

MS6

# Air mata tidak henti mengalir

*Ibu tunggal, rakan serumah didakwa aniaya, abai anak berusia tujuh tahun*

Oleh Izz Laily Hussein
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Seorang ibu tunggal dan rakan serumahnya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan menganiaya serta mengabaikan anaknya, sejak bulan lalu.

Tertuduh yang berusia 27 tahun dan Awiin Chua, 30, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kedua-dua pertuduhan itu dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Kedua-dua tertuduh yang tiba di pekarangan mahkamah jam 8.40 pagi dengan diiringi anggota polis, dilihat sentiasa mengalirkan air mata sehingga prosiding selesai.

Turut hadir ke mahkamah dan berada di galeri awam adalah abang kepada ibu mangsa dan abang Awiin yang datang dari Singapura.

Bagi pertuduhan pertama, kedua-dua tertuduh didakwa mencapai niat bersama menganiaya seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang di bawah pemeliharaan mereka menyebabkan mangsa menghadapi kecederaan fizikal.

Manakala bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa mencapai niat bersama mengabaikan kanak-kanak yang juga anak tertuduh ketika mangsa di bawah pemeliharaan mereka.

Dua perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah dekat Jalan Wau Kikik 7, Bandar Layangkasa, Pasir Gudang di sini, antara 1 Julai hingga 9 Ogos lalu.

Pendakwaan kedua-dua pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.



TERTUDUH (kanan) dan rakannya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen atas dua pertuduhan menganiaya dan mengabaikan anaknya, sejak bulan lalu.

Timbalan Pendakwa Raya Nur Diyana Zubir menawarkan jaminan tinggi RM30,000 terhadap setiap tertuduh dengan beberapa syarat tambahan termasuk dilarang menghampiri atau berhubung dengan mangsa.

> "Kanak-kanak itu kini di hospital dan dijaga bapa saudaranya"
> *Nur Diyana*

"Tertuduh pertama adalah ibu mangsa yang mana dia mengambil kanak-kanak itu daripada jagaan datuk dan neneknya di Pokok Sena, Kedah sebelum dibawa lari ke negeri ini, tetapi dalam penjagaannya dia gagal menjaga anaknya sehingga terdapat kecederaan fizikal serta diabaikan.

"Tertuduh kedua (Awiin) pula yang juga warga Singapura tinggal serumah dengan tertuduh pertama yang mana walaupun tiada talian darah, tertuduh turut diberi tanggungjawab menjaga mangsa ketika di rumah.

"Kanak-kanak itu kini di hospital dan dijaga bapa saudaranya sementara menunggu pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memutuskan hak penjagaan," katanya.

Peguam Abd Rahim Ali yang mewakili kedua-dua tertuduh bagaimanapun memohon jumlah jaminan lebih ringan memandangkan kedua-dua wanita itu belum didapati bersalah.

Beliau turut membantah kenyataan pendakwaan yang menyatakan tertuduh pertama membawa lari mangsa sedangkan tempat seorang anak sepatutnya bersama ibu.

"Tiada risiko tertuduh pertama mengganggu mangsa kerana hak penjagaan ditentukan JKM dan dia juga tidak berisiko melarikan diri kerana kini tidak bekerja sejak dua bulan lalu, dia juga tiada pasport dan ada seorang lagi anak berusia sembilan tahun.

"Bagi tertuduh kedua, dia masih bekerja di Singapura tetapi menetap di Pasir Gudang dan ada pasport serta permit sah," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin, manakala Awiin yang juga wanita berperwatakan lelaki (tomboi) itu dibenarkan ikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin warga tempatan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JAGA MENGAKU AMANG SEKSUAL ANAK TIRI | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



SEORANG pengawal keselamatan mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas lapan pertuduhan melakukan perbuatan amang seksual fizikal terhadap seorang anak tirinya sejak 2020.

# Jaga mengaku amang seksual anak tiri

**Johor Bahru:** Seorang pengawal keselamatan mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas lapan pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang anak tirinya sejak 2020 hingga awal bulan ini.

Tertuduh yang berusia 47 tahun membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman.

Bagi lapan pertuduhan itu, dia didakwa melakukan perbuatan amang seksual fizikal terhadap mangsa sejak mangsa berusia 10 tahun hingga 13 tahun iaitu daripada 2020 hingga 1 Ogos lalu.

Bagi semua perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017, ia memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan.

Ia dibaca bersama Seksyen 16(1) akta sama yang membawa hukuman tambahan penjara maksimum lima tahun dan sebat tidak kurang dua sebatan, jika sabit kesalahan.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 21 Ogos ini bagi penyediaan fakta kes serta jatuh hukum.

Sementara itu, di Mahkamah Majistret pula, tertuduh dijatuhi hukuman penjara 10 hari dan denda RM1,000 selepas mengaku bersalah bagi satu pertuduhan mendatangkan kecederaan ke atas seorang lagi anak tirinya yang juga kembar kepada mangsa pertama itu.

Majistret A Sharmini turut memerintahkan tertuduh dipenjara sebulan jika gagal membayar denda berkenaan.

Berdasarkan fakta kes, lelaki itu memukul mangsa menggunakan tangan, kaki dan tali pinggang sejak 2020 hingga Jun lalu.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KELUARGA IBU MOHON HAK PENJAGAAN SEMENTARA MANGSA | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Keluarga ibu mohon hak penjagaan sementara mangsa

**Johor Bahru:** Keluarga kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang disyaki didera ibu serta kenalan wanitanya di Bandar Layangkasa, Pasir Gudang di sini, baru-baru ini, berharap Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyegerakan keputusan bagi hak penjagaan sementara ke atas kanak-kanak berkenaan.

Ia berikutan, pihak keluarga bimbang sekiranya mangsa diletakkan di bawah jagaan JKM di negeri ini, sedangkan dia tiada saudara-mara di sini.

Seorang bapa saudara mangsa, 31, berkata, keluarganya hanya mahu membawa pulang anak bongsu dua beradik itu ke Kedah secepat mungkin.

"Saya kasihan, selama ini kita tak tahu keadaan dia (mangsa) di sini bagaimana, jadi saya harap JKM boleh beri hak penjagaan kepada waris sebab khuatir kalau JKM jaga di sini, dia sendirian, kami tiada.

"Dia juga tidak sabar nak pulang ke kampung," katanya ketika ditemui di perkarangan Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Mohamad Nazren yang juga abang kepada ibu kanak-kanak itu berkata, mereka sekeluarga berharap hak penjagaan mangsa diberikan kepada mereka sekeluarga memandangkan mereka menjaga dua beradik itu sejak kecil, terutama selepas ibu bapa mereka bercerai pada 2018.

"Lepas mereka bercerai pada 2018, kami jaga, daripada kecil kami jaga, kakak dia berusia sembilan tahun pun elok bersekolah di bawah jagaan kami.

"Selepas berbincang, bapanya juga setuju untuk memberikan hak penjagaan kepada kami," jelasnya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAYAT SUAMI DITEMUI DALAM LONGKANG | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



MANGSA ditemui di dalam longkang bersama motosikalnya dekat bahu Jalan Pajam-Nilai- Salak, Nilai.

# Mayat suami ditemui dalam longkang

**Nilai:** Keresahan seorang wanita membuat laporan berhubung kehilangan suaminya terjawab apabila mayat lelaki berkenaan di dalam longkang bersama motosikalnya dekat bahu Jalan Pajam-Nilai- Salak, berhampiran Taman Semarak, di sini.

Mayat ditemui kira-kira jam 2 petang kelmarin dalam keadaan kembung dipercayai sudah meninggal dunia dua hari lalu disyaki terjatuh ke longkang berkenaan ketika menunggang motosikal.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintendan Abdul Malik Hasim berkata, pihaknya menerima maklumat jam 2.13 petang daripada orang awam berkenaan penemuan satu mayat bersama motosikal di dalam longkang di tepi Jalan Pajam-Nilai-Salak.

"Siasatan awal mendapati mayat adalah lelaki India berumur 27 tahun dalam keadaan tertiarap di dalam longkang bersama sebuah motosikal jenis Yamaha SRE-K disahkan sudah meninggal dunia di tempat kejadian.

"Semakan lanjut mendapati terdapat dua laporan polis diterima pada tarikh 13 Ogos lalu membabitkan Orang Hilang (OH) yang dibuat oleh isteri si mati bersangkut repot Mantin/3006/23," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, pada hari sama pihaknya turut menerima satu laporan polis yang dibuat pemilik motosikal yang juga majikan kepada lelaki berkenaan.

"Siasatan Unit Forensik Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan mendapati tiada sebarang penemuan berkaitan unsur jenayah setakat ini.

"Mayat dibawa ke Jabatan Perubatan Forensik Hospital Tuanku Jaafar (HTJ), Seremban untuk bedah siasat. Kes diklasifikasikan mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan 1987," katanya.

Beliau berkata, sebarang maklumat orang awam boleh disalurkan kepada Pusat Kawalan Ibu Pejabat Daerah (IPD) Nilai di talian 06-7904389 atau boleh menghubungi Pegawai Penyiasat Trafik IPD Nilai, Inspektor Zarina Ariffin di talian 013-8238336.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMANDU VAN NAFI LAKU AMANG SEKSUAL PADA BUDAK TADIKA | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Pemandu van nafi laku amang seksual pada budak tadika

**Muar:** Pemandu van sekolah, Kumar Muniyandy, 51, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang murid tadika, awal bulan ini.

"Saya tidak bersalah, saya dianiayai," katanya.

Tertuduh membuat pengakuan tidak bersalah itu selepas pertuduhan dibaca jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Dia tiba di mahkamah jam 8.30 pagi sambil ditemani isteri serta seorang anak perempuan mereka.

Mengikut fakta kes, tertuduh yang juga pemilik van sekolah didakwa menyentuh badan dan kaki budak perempuan berusia lima tahun.

Kejadian berlaku ketika tertuduh mengambil mangsa dari sebuah Tadika di Kluang antara jam 12.30 tengah hari hingga jam 1 petang, 4 Ogos lalu.

Pada hari kejadian, neneknya bertanya kepada mangsa sama ada tertuduh melakukan sesuatu terhadapnya kerana dia pulang lewat dari sekolah.

Mangsa memberitahu neneknya tertuduh ada memegang pinggang dan kakinya ketika dalam van.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16 (1) akta sama.

Justeru, dia boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan sebatan serta penjara lima tahun dan tidak kurang dua kali sebatan bagi hukuman tambahan mengikut Seksyen 16 (1).

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, dalam prosiding itu, pihak pendakwaan memohon mahkamah membenarkan ikat jamin RM18,000 kerana mangsa membabitkan kanak-kanak.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 25 September ini untuk sebutan semula kes.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENAGIH ACU PISAU PADA WANITA DITAHAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



RAKAMAN video memaparkan seorang lelaki mengacu pisau terhadap seorang wanita di Jalan Radin Bagus, Sri Petaling, Kuala Lumpur yang tular di media sosial.

# Penagih acu pisau pada wanita ditahan

**Kuala Lumpur:** Seorang penagih dadah diberkas polis selepas bertindak agresif mengacu pisau terhadap seorang wanita di Jalan Radin Bagus, Sri Petaling di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Amihizam Abdul Shukor berkata, pihaknya mengesan video tular berdurasi tujuh saat memaparkan seorang suspek lelaki bersenjatakan pisau menahan seorang wanita kira-kira jam 6 petang, kelmarin.

"Bertindak atas maklumat terbabit, anggota polis dari Balai Polis Sri Petaling pergi ke lokasi kejadian dan berjaya menahan seorang lelaki.

"Kami merampas pisau lipat berwarna merah, telefon bimbit dan serpihan kaca dalam tangkapan itu," katanya, semalam.

Amihizam berkata, siasatan awal dilakukan mendapati kejadian itu berlaku jam 2.30 petang, kelmarin.

"Mangsa, seorang wanita warga asing membuat laporan berhubung kejadian itu di Balai Polis Sri Petaling, di sini.

"Menurut mangsa, dia tidak mengenali suspek dan lelaki itu dipercayai berada dalam pengaruh dadah," katanya.

Beliau berkata, mangsa mengalami kecederaan sakit di bahagian dada dalam kejadian itu.

"Semakan dilakukan mendapati suspek mempunyai enam rekod jenayah dan tiga kes dadah.

"Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 506/323 Kanun Keseksaan, Seksyen 6(1) Akta Bahan Kakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 serta Sekseyan 15(1)a Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan jenayah di daerah ini boleh menghubungi Hotline Polis Brickfields di talian 03-2297 9222, Hotline Polis Kuala Lumpur di talian 03-2115 9999 atau mana-mana balai polis berhampiran," katanya.

TAJUK : PIKAT, CULIK MINTA WANG

HARI : KHAMIS | AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 17 OGOS 2023 | M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF | SEKTOR : KPWKM


# Pikat, culik, minta wang

## *Lelaki culik 2 wanita warga asing sebelum dijadikan tawanan minta RM20k dicekup*

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

**Serdang**

Guna taktik pikat wanita warga asing untuk diajak berhibur di pusat hiburan sebelum diculik dan dijadikan tebusan bagi mendapatkan wang.

Itu taktik dilakukan dua lelaki tempatan masing-masing berusia 31 dan 35 tahun yang dikesan aktif melakukan jenayah itu di sekitar Lembah Klang.

Terbaharu dua wanita warga asing turut diculik sebelum dijadikan tawanan suspek yang meminta wang tebusan RM20,000.

Ketua Polis Daerah Serdang Asisten Komisioner A A Anbalagan berkata, pihaknya menerima laporan berkaitan kes itu daripada rakan serumah mangsa yang bekerja sebagai peniaga pada 11 Ogos lalu.

"Kejadian berlaku selepas dua mangsa terbabit keluar dari rumah mereka di Puchong dengan mengikut seorang lelaki tempatan untuk menghadiri parti kira-kira jam 6 petang, 11 Ogos lalu.

"Beberapa jam kemudian, pengadu menerima mesej gambar dua rakannya itu yang diikat dan mata ditutup melalui aplikasi WeChat," katanya.

Anbalagan berkata, suspek meminta tebusan sebanyak RM20,000 daripada pengadu sekiranya mahu dua wanita masing-masing berusia 32 dan 35 tahun itu dibebaskan.

"Siasatan awal dilakukan mendapati pengadu mengenali suspek semasa berada di sebuah pusat hiburan di kawasan Lembah Klang.

"Malah suspek juga pernah mengambil nombor telefon pengadu untuk simpanan," katanya.

> "Kedua-dua suspek itu juga dikehendaki di daerah lain di Lembah Klang
> Anbalagan

Susulan itu, pihak polis menahan dua lelaki tempatan yang juga penganggur di Klang, Selangor, jam 1.30 petang pada 11 Ogos lalu.

"Siasatan awal dilakukan mendapati modus operandi suspek adalah meminta wanita warga asing menemaninya berhibur dan dijadikan sebagai tebusan dengan mengikat dan menutup mata mangsa sebelum menghubungi rakan mereka.

"Dalam kes ini, suspek melepaskan mangsa yang tidak mengalami sebarang kecederaan walaupun wang tebusan tidak diperolehi bagi mengelakkan pihak polis menghidu kegiatan itu," katanya.

Katanya, berdasarkan pengakuan awal kedua-dua suspek yang mempunyai rekod jenayah itu mengaku melakukan kegiatan seumpama itu beberapa kali.

"Kedua-dua suspek itu juga dikehendaki di daerah lain di Lembah Klang kerana disyaki melakukan kegiatan sama.

"Kedua-dua suspek kini direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 365/385 Kanun Keseksaan," katanya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUSPEK TIKAM BEKAS KEKASIH DITAHAN DI JOHOR | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |


# Suspek tikam bekas kekasih ditahan di Johor

**Ampang:** Pelarian seorang lelaki daripada buruan polis selepas menikam bekas teman wanitanya di sebuah kondominium di Bukit Antarabangsa, di sini, berakhir apabila ditahan di pekarangan sebuah masjid di Johor Bahru, Johor, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, tangkapan ke atas suspek berusia 41 tahun itu dibuat sepasukan anggota Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya kira-kira jam 5 petang.

"Suspek disyaki menikam seorang wanita menggunakan pisau selepas mangsa mahu memutuskan hubungan cinta.

"Lelaki itu turut bertindak memancitkan tayar dan memecahkan cermin hadapan kereta mangsa ketika wanita berkenaan berada di dalam kereta," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd Azam berkata, semakan mendapati suspek mempunyai dua rekod jenayah dan saringan ujian air kencing negatif dadah.

Katanya, suspek direman selama empat hari sehingga 19 Ogos ini untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan.

Sementara itu, mangsa yang mahu dikenali sebagai Sharifah, 46, memberitahu sudah dibenarkan keluar hospital pada Jumaat lalu.

Dia yang masih trauma dengan kejadian itu, lega apabila dimaklumkan polis bahawa bekas teman lelakinya sudah ditahan.

"Akhirnya doa saya termakbul. Saya berharap dia dibawa ke muka pengadilan dan menerima hukuman setimpal," katanya.

Katanya, dia masih rasa sakit pada bahagian luka tikaman terutama di bahagian perut dan perlu menjalani rawatan susulan.

Harian Metro sebelum ini melaporkan, mangsa baru tiba di parkir rumahnya di Bukit Antarabangsa sebelum didatangi bekas teman lelaki kira-kira 2.30 pagi pada 6 Ogos lalu.

Suspek bertindak menikam cermin pada bahagian pemandu menggunakan pisau namun tidak berjaya selain turut menoreh tayar hadapan dan belakang sebelah kanan.

Lelaki itu kemudian mengambil pemadam api berhampiran lif dan memecahkan cermin hadapan kereta sebelum mangsa menghubungi polis untuk mendapatkan bantuan.

Mangsa yang panik kemudian berlari keluar dari kereta sebelum dikejar suspek yang menarik bajunya dan menikam di perut serta tangan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TUJUH REMAJA SUDAH BEBAS DENGAN JAMINAN | | | |
| HARI | : | KHAMIS | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 17 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

## BELASAH SEBAB CEMBURU

# Tujuh remaja sudah bebas dengan jaminan

**Johor Bahru:** Kertas siasatan berkaitan kes tujuh remaja. termasuk seorang warga asing, berumur 14 hingga 17 tahun yang dipercayai terbabit dalam kes pukul pelajar di Taman Bistari Indah di sini, sudah dilengkapkan.

